


Deklarasi Hak Orang Asal Antarabangsa & Orang Asal di Malaysia



UNDRIP = United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples

UNDRIP adalah Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap Hak Orang Asal. Ia merupakan undang-undang antarabangsa yang melindungi hak Orang Asal seluruh dunia dan juga membantu melindungi budaya, tanah dan juga cara hidup kita Orang Asal.

PBB melaksanakan undang-undang ini untuk memastikan supaya kesemua 370 juta Orang Asal sedunia tidak akan berhadapan dengan diskriminasi ataupun eksploitasi.

UNDRIP adalah "piawai minimum untuk mempertahankan kewujudan, martabat dan kesejahteraan Orang Asal sedunia" (Artikel 42). Proses pembentukan UNDRIP telah mengambil masa lebih 20 tahun dan melibatkan konsultasi dan pandangan dari kerajaan-kerajaan, pakar-pakar dan Orang-orang Asal dari seluruh dunia.



JARINGAN ORANG ASAL SEMALAYSIA • Indigenous Peoples Network of Malaysia
P.O. Box 511 • 89507 Penampang, Sabah • Tel: 088-726413 • joasmalaysia@gmail.com

Bagaimanakah UNDRIP ditulis?

Pada tahun 1985, Majlis Ekonomi dan Sosial PBB (ECOSOC) telah menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja yang dinamakan Working Group on Indigenous Peoples (WGIP) untuk menangani masalah-masalah diskriminasi yang dihadapi oleh Orang Asal. WGIP telah membentuk satu deraf piawai hak asasi khas untuk melindungi Orang Asal yang kemudiannya dijadikan deraf UNDRIP.



"Ini menandakan satu catatan sejarah apabila ahli PBB dan Orang Asal kini bekerjasama walaupun mereka mempunyai sejarah pahit masing-masing. Kini mereka bergerak ke hadapan menuju masa depan hak asasi manusia, keadilan dan pembangunan untuk semua".
Setiasaha-Agung PBB



Pada tahun 1993, deraf ini telah disiapkan dan dihantar ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Commission on Human Rights). Setelah diubahsuai, deraf ini dihantar ke Majlis Hak Asasi Manusia PBB (UN Human Rights Council) pada bulan Jun 2007. Malaysia, sebagai ahli Majlis Hak Asasi Manusia PBB pada masa itu, telah menyokong deraf tersebut dan bersetuju ia dihantar kepada Perhimpunan Agung PBB.

Pada 13 September 2007, Perhimpunan Agung PBB telah mengundi dan mengesahkan UNDRIP. Malaysia merupakan salah satu negara yang telah mengundi untuk mempersetujui pengesahan UNDRIP.

Apakah yang terkandung dalam UNDRIP?

UNDRIP mempunyai kata pendahuluan yang menyatakan tujuan dan prinsip-prinsip UNDRIP. Ia menyenaraikan sebab-sebab mengapa PBB membuat keputusan untuk menulis satu deklarasi khas untuk hak-hak Orang Asal.

Apakah antara sebab-sebab ini?

Satu deklarasi khas untuk hak-hak Orang Asal ditulis untuk mengiktirafkan bahawa hak-hak kita kini telah dirampas, menyebabkan kita kehilangan tanah dan juga jatidiri kita. Selain daripada itu, dunia kini juga mengenali



Orang Asal mempunyai hubungan yang istimewa dengan tanah yang wujud dan pengetahuan tradisional Orang Asal merupakan ilmu yang penting untuk memastikan pengurusan yang baik dalam penjagaan hutan dan alam sekitar.

UNDRIP mengandungi 46 perkara atau artikel dan setiap artikel menyatakan hak-hak yang berbeza untuk Orang Asal. 46 artikel ini dibahagikan kepada 9 bahagian.

Bahagian 1 Hak Asasi

5 artikel pertama dalam UNDRIP menyatakan bahawa Orang Asal mesti mempunyai hak yang sama dengan orang lain. Ini bermaksud Orang Asal tidak boleh didiskriminasi dan Orang Asal mempunyai hak untuk memilih status politik dan mempunyai hak kewarganegaraan.

Artikel 1: Orang Asal mempunyai hak ke atas semua hak asasi manusia.

Artikel 2: Orang Asal adalah bebas dan sama rata dengan manusia dan individu lain dan mempunyai hak untuk bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi.

Artikel 3: Orang Asal mempunyai hak penentuan diri (self-determination).

Artikel 4: Orang Asal mempunyai hak ke atas pemerintahan sendiri.

Artikel 5: Orang Asal mempunyai hak untuk mempertahankan dan memperkuat politik, undang-undang, ekonomi, sosial dan institusi budaya kita yang tersendiri, tapi pada masa yang sama mengekalkan hak kita untuk menyertai sepenuhnya, jika kita memilih, dalam bidang politik, ekonomi, kehidupan sosial dan budaya negara.



Bahagian 2 Kehidupan & Keselamatan

Artikel-artikel 6-10 menyatakan bahawa Orang Asal berhak untuk hidup sebagai Orang Asal. Ini bermaksud kita berhak untuk menentukan identiti kita dan kerajaan perlu memastikan supaya budaya kita dilindungi dan tidak dirampas daripada kita. Kita tidak boleh dipindahkan atau diasingkan daripada tempat tinggal kita tanpa persetujuan kita.

Artikel 6: Orang Asal mempunyai hak untuk kewarganegaraan.

Artikel 7: Orang Asal mempunyai hak untuk hidup, kedamaian dan kebebasan.



Istilah 'Orang Asal' adalah penting kerana ini menunjukkan bahawa Orang Asal merupakan rumpun etnik yang mempunyai identiti tersendiri dan bukannya hanya sekadar satu kumpulan rakyat yang wujud di sesebuah negara.

Artikel 8: Orang Asal mempunyai hak untuk tidak dijadikan bahan kepada asimilasi paksa atau pemusnahan budaya kita.

Artikel 9: Orang Asal mempunyai hak untuk menjadi anggota sesebuah komuniti Orang Asal.

Artikel 10: Orang Asal tidak boleh dipindahkan secara paksa daripada tanah atau wilayah kita.

Bahagian 3 Budaya, Agama & Bahasa

Artikel-artikel 11-13 menyentuh berkenaan hak terhadap budaya, tradisi dan bahasa. Budaya dan warisan turun-temurun kita adalah hak milik kita. Sebarang warisan tradisi yang telah diambil atau dirampas daripada kita, mesti dikembalikan kepada kita.

Kita mempunyai hak ke atas tempat-tempat suci kita, termasuklah tapak perkuburan, dan kerajaan mesti membantu kita menjaga lokasi-lokasi penting ini.

Bahagian ini juga menyatakan bahawa kita berhak ke atas sejarah dan bahasa kita, dan kerajaan perlu menyediakan penterjemah untuk memudahkan pemahaman kita dalam situasi perundangan dan penglibatan kita di mahkamah.

Artikel 11: Orang Asal mempunyai hak untuk mengamalkan dan menggiatkan semula tradisi dan adat resam kita, seperti tapak arkeologi dan sejarah, artifak-artifak, rekabentuk, teknologi, seni visual, persembahan dan kesusasteraan kita.

Artikel 12: Orang Asal mempunyai hak untuk mengamalkan tradisi kerohanian dan agama kita dan melindungi tapak keagamaan dan budaya kita.

Artikel 13: Orang Asal mempunyai hak untuk menyampaikan kepada generasi akan datang tentang sejarah, bahasa, tradisi lisan, falsafah, sistem penulisan dan kesusasteraan kita.

Bahagian 4 Pendidikan, Media & Pekerjaan

Artikel-artikel 14-17 menyentuh hak kita dan juga hak generasi akan datang terhadap pengajaran budaya dan bahasa kita sendiri. Kita juga berhak untuk mendapat akses kepada media. Artikel-artikel ini juga menyatakan bahawa kita bebas daripada diskriminasi peluang pekerjaan kerana kita mesti mempunyai peluang yang sama dengan kumpulan etnik yang lain.

Artikel 14: Orang Asal mempunyai hak untuk mendapat pendidikan termasuklah pendidikan dalam cara dan bahasa kita sendiri.



Artikel 15: Orang Asal mempunyai hak untuk memastikan pengetahuan budaya dan sejarah kita terkandung dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Artikel 16: Orang Asal berhak untuk menubuhkan media kita dalam bahasa kita sendiri dan berhak untuk mengakses semua bentuk media bukan Orang Asal, tanpa sebarang diskriminasi.

Artikel 17: Orang Asal berhak sepenuhnya ke atas semua hak buruh antarabangsa dan kebangsaan.



Apakah itu Izin-MABT?

Izin-MABT bermaksud keizinan berasaskan **Makluman Awal**, **Bebas** dan **Telus**.

Makluman Awal bermaksud Orang Asal diberitahu awal sebelum sebarang projek/undang-undang/tindakan/polisi dirancang. Ini juga bermaksud Orang Asal memainkan peranan dan terlibat sama dalam proses perancangan tersebut, di mana maklumbalas pihak Orang Asal diambil kira sebelum sebarang keputusan perancangan dibuat.

Bebas bermaksud Orang Asal bersetuju tanpa paksa, rasuah atau ancaman.

Telus bermaksud informasi yang diberi kepada Orang Asal adalah benar dan melibatkan kedua-dua kesan baik dan buruk.

Bahagian 5 Pembangunan & Penglibatan

Artikel-artikel 18-23 menyatakan bahawa kita berhak terlibat dalam proses membuat keputusan terhadap isu-isu yang memberi kesan ke atas kehidupan kita. Artikel-artikel ini penting kerana menurut sejarah, banyak negara dan kerajaan tempatan telah membuat keputusan untuk Orang Asal tanpa mendapat persetujuan daripada kita terlebih dahulu. Orang Asal tidak berpeluang untuk bersuara terutamanya ke atas isu-isu yang memberi kesan kepada orang kita dan tanah kita. Menurut artikel-artikel ini, kita berhak menyuarakan pendapat dan kebenaran daripada kita, diperlukan sebelum pelan atau polisi yang mempengaruhi kita dilaksanakan.

Artikel 18: Orang Asal berhak untuk terlibat dalam proses membuat keputusan berkenaan hal-hal yang mungkin mempengaruhi hak-hak kita.

Artikel 19: Kerajaan mesti berunding dan bekerjasama untuk mendapatkan Izin-MABT daripada kita berkenaan langkah-langkah perundangan atau pentadbiran yang mungkin akan memberikan kesan kepada kita.

Artikel 20: Orang Asal berhak untuk membangunkan sistem atau institusi politik, ekonomi dan sosial kita. Orang Asal yang dilucutkan daripada cara-cara mendapatkan sumber sara diri dan pembangunan kita berhak untuk mendapat pembedaan kesalahan atau tebus rugi yang adil.



Artikel 21: Orang Asal berhak, tanpa diskriminasi, untuk peningkatan keadaan ekonomi dan sosial, termasuk, antara lainnya, dalam bidang pendidikan, pekerjaan, latihan dan latihan semula vokasional, perumahan, sanitasi, kesihatan dan keselamatan sosial.

Artikel 22: Hak dan keperluan khusus golongan warga tua Orang Asal, wanita, kanak-kanak dan golongan kurang upaya perlu diberi perhatian khas dalam pelaksanaan deklarasi ini.

Artikel 23: Orang Asal berhak untuk menentukan dan menyusun keutamaan dan strategi untuk mengamalkan hak kita terhadap pembangunan.

Bahagian 6 Tanah & Sumber

Artikel-artikel 24-31 menyatakan kepentingan hak Orang Asal terhadap tanah kita. Artikel-artikel ini mengakui hubungan di antara Orang Asal dan tanah kita, dan juga hak kita untuk memiliki dan membangunkan tanah kita.


Artikel-artikel ini menyatakan bahawa sekiranya tanah kepunyaan kita diambil atau dirampas tanpa Izin-MABT, ia mesti dikembalikan atau diganti-rugi oleh kerajaan. Selain daripada itu, artikel-artikel ini juga menyatakan hak kita ke atas sumber-sumber seperti hutan dan sungai, dimana persetujuan daripada kita mesti diperolehi terlebih dahulu sebelum sumber-sumber ini boleh diambil daripada kita.

Artikel-artikel ini juga menyatakan kepentingan pengetahuan dan ilmu tradisi dan hak kita untuk mempertahankan tradisi ubat-ubatan, seni muzik dan tarian tradisional.

Artikel 24: Orang Asal berhak ke atas perubatan tradisi kita sendiri dan untuk mempertahankan amalan kesihatan kita, termasuk pemuliharaan tumbuhan, haiwan dan mineral ubat-ubatan.

Artikel 25: Orang Asal berhak untuk mengekalkan dan menguatkan perhubungan kerohanian yang tersendiri dengan tanah yang dimiliki secara tradisi.

Artikel 26: Orang Asal berhak ke atas tanah, wilayah dan sumber-sumber yang telah dimiliki oleh kita secara tradisional dan kerajaan mesti mengiktirafkan dan mengesahkan hak ini secara rasmi.



Artikel 27: Kerajaan mesti melaksanakan proses yang boleh memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada undang-undang Orang Asal dan hak-hak kita ke atas tanah tradisi dan tanah asal kita.

Artikel 28: Orang Asal mempunyai hak untuk mendapatkan ganti-rugi ke atas tanah yang diambil tanpa persetujuan kita. Ganti-rugi ini mesti di dalam bentuk tanah yang sama kualiti, saiz dan harga seperti tanah yang diambil sebelumnya.

Artikel 29: Orang Asal berhak kepada pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar tanah dan sumber-sumber kita. Kerajaan mesti menubuhkan dan melaksanakan program bantuan untuk Orang Asal untuk pemuliharaan dan perlindungan tersebut.

Artikel 30: Aktiviti ketenteraan tidak boleh dijalankan di atas tanah dan wilayah Orang Asal.

Artikel 31: Orang Asal mempunyai hak untuk melindungi dan membangunkan warisan kebudayaan, pengetahuan tradisi dan ekspresi kebudayaan tradisi kita, dan juga manifestasi sains, teknologi dan budaya kita, termasuk sumber alam, benih, perubatan, flora dan fauna, tradisi lisan, kesusasteraan, rekabentuk, sukan, permainan tradisi, seni visual dan persembahan.

Bahagian 7 Pemerintahan Sendiri & Undang-undang Asal

Artikel-artikel 32-36 menyatakan kepelbagaian cara Orang Asal sedunia boleh memikirkan undang-undang tradisional dan juga kerajaan tempatan mereka.


Artikel 32: Orang Asal mempunyai hak untuk pilihan pembangunan tanah dan sumber kita. Kerajaan perlukan Izin-MABT sebelum meluluskan projek-projek yang melibatkan tanah Orang Asal.

Artikel 33: Orang Asal berhak untuk menentukan jatidiri atau identiti kita di samping mendapat hak kewarganegaraan masing-masing.

Artikel 34: Orang Asal berhak untuk mempertahankan struktur institusi kita dan adat resam, kerohanian, tradisi, prosedur dam amalan kita yang tersendiri.

Artikel 35: Orang Asal berhak untuk menentukan tanggungjawab individu-individu terhadap komuniti kita sendiri.

Artikel 36: Orang Asal, berhak untuk mengekalkan dan membina hubungan, persaudaraan dan kerjasama antara ahli termasuk juga dengan orang lain yang berada di luar sempadan.



Bahagian 8 Pelaksanaan

Artikel-artikel 37-41 menyatakan apa yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan dan PBB untuk memastikan UNDRIP dituruti dan diamalkan.

Artikel-artikel ini menyatakan persetujuan-persetujuan awal dengan kerajaan mesti dilaksanakan dan kerajaan mesti mengadakan perundangan yang menyokong hak-hak Orang Asal dalam deklarasi ini. Bantuan kewangan dan teknikal perlu dihulurkan agar Orang Asal dapat menikmati hak-hak seperti yang dinyatakan dalam deklarasi ini. Sekiranya hak-hak yang ada dalam deklarasi ini tidak dipatuhi, kerajaan boleh mengambil tindakan yang sepatutnya.

Bahagian 9 Aplikasi UNDRIP

Artikel-artikel 42-46 menyatakan bagaimana UNDRIP patut diaplikasikan. Artikel 43 menyatakan bahawa UNDRIP ini menetapkan piawaian minimum untuk Orang Asal bagi mewujudkan piawaian yang lebih baik pada masa akan datang. Artikel-artikel ini juga menyatakan bahawa kaum lelaki dan wanita kedua-duanya berhak ke atas hak-hak ini.

Dari segi pelaksanaan UNDRIP di Malaysia, artikel yang patut dipatuhi adalah Artikel 42.

Artikel 42 menyatakan bahawa kerajaan-kerajaan bertanggungjawab mempromosikan dan mengamalkan hak-hak Orang Asal antarabangsa ini di negara masing-masing.

